

The Most Comprehensive 1-Stop Wholesale City In South East Asia

(FOTO ROSDAN WAHID/BH)



Seng Kok ketika ditemui di pejabatnya di Klang.

## GM Klang buka blok baharu

→ Gedung kukuh kedudukan sebagai hab pemborong serantau

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzi@bh.com.my

► Klang

Pembukaan Blok B GM Klang hari ini bakal memperkukuhkan usaha gedung belibelah itu ke arah menjadi pusat pemborong terkemuka di rantau Asia Tenggara.

Pengarah Urusannya, Datuk Lim Seng Kok, berkata blok baharu pusat pemborong itu menempatkan pemborong produk komprehensif untuk barangan yang berasaskan fesyen.

Katanya, pada permulaan ini, hanya ruang niaga di tingkat satu hingga empat yang mula beroperasi dengan kira-kira 80 peratus dampadanya sudah disewakan ke-

pada pemborong.


"Pada Disember, kami akan mengadakan satu expo antarabangsa di tingkat bawah, iaitu Klang-Yiwu Expo.

"Yiwu adalah satu wilayah di China yang menjadi hab pemborong di negara itu. Memandangkan Klang mahu dijadikan hab serantau, kami mengadakan hubungan dengan wilayah ini.

"Kami juga meletakkan kedudukan kami sebagai pusat pemborong sehati yang memberi tumpuan kepada produk berasaskan fesyen melalui pembukaan Blok B ini," katanya dalam satu temu bual dengan BH.

### Produk fesyen

Seng Kok berkata, tingkat satu akan menempatkan produk fes-



Orang ramai, tetamu jemputan dan kakitangan mengaminkan doa pada majlis doa selamat sempena pembukaan tingkat bawah Blok B Pusat Pemborong GM Klang.

yen, diikuti dengan produk untuk pasaran masyarakat Islam di tingkat dua, manakala tingkat tiga memberi tumpuan kepada produk berasaskan kanak-kanak.

Dalam merealisasikan usaha menjadikan blok baharu itu sebagai tumpuan peminat fesyen, Seng Kok berkata, tingkat empat Blok B akan menempatkan pengusaha yang berkonsep dan mempunyai jenama sendiri.

"Kebanyakan pengusaha di GM Klang adalah pengusaha dan pemborong tempatan.

"Kami juga berharap akan ada pereka fesyen muda yang akan membuka kedai dan cawangan di pusat pemborong kami ini," katanya.

Pembukaan Blok B ini juga akan memberikan lebih banyak pilihan

kepada pengunjung berikutan ia mempunyai 1,500 ruang niaga apabila beroperasi sepenuhnya menjelang pertengahan 2017.

### Galak perusahan tempatan

Beliau berkata, bagi menggalakkan perusahan tempatan, tingkat bawah blok itu akan memberi penekanan kepada jenama dan barangan buatan Malaysia selain ruang yang diikhaskan untuk barangan untuk masyarakat India.

"Kami mahu menjadikan GM Klang untuk semua golongan masyarakat sebelum menjadi pusat pemborong serantau termasuk membawa barangan dari Indonesia, Thailand dan Filipina.

"Sewaktu kami memulakan pusat pemborong ini, kebanyakan ba-



Kami juga meletakkan kedudukan kami sebagai pusat pemborong sehati yang memberi tumpuan kepada produk berasaskan fesyen melalui pembukaan Blok B ini"

Lim Seng Kok,  
Pengarah Urusan GM Klang

### Info

#### Blok B GM Klang

- Nilai pembangunan kasar (GDV) RM532 juta (keseluruhan RM800 juta)
- 7 tingkat
- 1,500 ruang niaga
- Sewa antara RM2,000 hingga RM3,000
- Saiz ruang niaga 18.6 meter persegi (200 kaki persegi)
- Kemudahan lif kargo, ruang punggah, pendingin hawa berpusat

rangan yang dijual adalah produk yang diimport dari China, namun kini kami mahu mempertuaskannya pilihan barangan yang dijual," katanya.

Ditanya mengenai perancangan masa depan, Seng Kok berkata, GM Klang sedang membina satu pusat pemborong ketiga di Pudu, Kuala Lumpur, yang memberi tumpuan kepada fesyen untuk golongan pertengahan dan atas.

Katanya, ia bertujuan untuk memberikan galakan kepada pereka fesyen tempatan terutama pusat pemborong itu akan memberi tumpuan kepada fesyen eksklusif.

Beliau berkata, pusat pemborong yang melelan belanja RM150 juta itu bakal dibuka dalam tempoh beberapa tahun lagi.